



D.Y.M.M. Raja Perempunan Perak

Daulat Tuan-ku—

**SULTAN PERAK YANG BAHARU
AKAN DI-TABALKAN ESOK**

BESOK hari Sabtu, 8 Jumadil Akhir 1333 bersamaan dengan 26 October 1963 berjalamlah istiadat pertabalan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Idris Al-Mutawakkil "Alal-lahi Shah ibni Al-Marhum Sultan Iskandar Shah, Yang di-Pertuan dan Raja Pemerintah bagi negeri Perak Darul Ridzuan dengan segala jajahan dan ta'aloq-nya, di-Balai Rong Seri Istana Iskandariah, Bukit Chandan Seri Andalan, Kuala Kangsar.

25 OCT 1963
B.H.

Sebelum titek pertabalan di-langsungkan, peralatan pertabalan ada-lah di-mulakan terlebih dahulu dengan pualuan Nobat pagi dan petang sa-lama empat hari berturut-2, di-mulai dari 22 October 1963 hingga sa'at pertabalan-nya di-tentukan. Tepat pada jam yang di-

tentukan, pualuan Nobat lagu Raja Berangkat akan di-bunyikan. Duli Yang Maha Mulia yang telah siap sempurna berpakailan, leistikap dengan Mahkota yang di-lekatkan di-tengkok serta memakai Pontoh Ber-naga dan Rantai Bunga Nyior, berangkat masuk ka-Balai Rong Seri dengan di-dahului oleh Panglima Besar, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda dan Duli Yang Amat Mulia Raja di-Hilir beserta juru2 Iring. Baginda Sultan lalu naik bersemayam di-atas Singgal-sana, manakala yang

lain2 pun mengambil tempat masing2. Sa-telah itu, Yang Mulia Raja Chik Muda, Pangwang di-Raja dengan di-kaptili oleh Panglima Perang Kanan dan Panglima Perang Kiri pun masuk membawa Pedang Chura Si-Manjakini, di-ikuti oleh Bentar2 yang membawa "Perkakas" Kerajaan yang lain2 lalu

**Adat istiadat
pertabalan
yang penoh
dgn kebesaran
Di-Raja**

Manjakini serta menyampalkan-nya kepada Yang Mulia Raja Chik Muda, Pangwang di-Raja itu. Maka Raja Chik Muda, Pawang di-Raja pun mempersembahkan pedang itu kepada Baginda Sultan.

Di-kuchup

Baginda pun mengambil pedang itu lalu menguhung akan-nya. Sa-telah pedang itu di-kuchup dan di-sarungkan sa-mula maka baginda pun menyandangkan-nya di-bahu kanan-nya.

Kemudian datang-lah Tok Seri Nara di-Raja (tidak menyembah) menyampaikan Mesika Embun dan meletakkan Chap Hallintar di-telinga kanan baginda sambil membisekan Rahsia Nasab Sultan.

Sa-lepas ini baharu-lah Tok Seri Nara di-Raja menyembah dan berundur balek ka-tempat-nya.

Hingga di-sini sampal-lah upacara Pertabalan yang bersejarah ini ka-merchu atau punchak-nya, yang mana menandakan bahawa sa-nya Duli Yang Maha Mulia telah selamat sempurna di-Nobatkan sa-bagal Raja yang sah lagi berdaulat mengikut adat-istiadat di-Raja negeri Perak Darul Ridzuan yang turun temurun.

**25 OCT 1963
Tembakan**

Apabila sedia sekellannya maka bangun-lah Yang Amat Berbahagia Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja penyerukan "Daulat Tuan-ku" sa-banyak tiga kali berturut2, di-sahut oleh sa-kellan hadirin. Maka Duli Yang Maha Mulia pun membalas seruan itu dengan menganggokkan hulu baginda berulang2.

Sa-telah Duli Yang Maha Mulia bersemayam sa-mula maka Nobat pun di-palu di-sambuti dengan tembakan meriam sa-banyak dua puluh satu das.

Upacara di-tamatkan dengan Sahibul Fadzilah Tuan Mufti bangun membacha Do'a Selamat serta di-aminkan oleh sa-kallan yang hadir.

Baginda Sultan Perak yang baharu ini di-puterakan pada 17 August 1924 (hari keputeraan baginda) yang rasmi ia-lah pada 25 August) di-Bukit Chandan, Kuala Kangsar.

Berkhidmat

Masuk belajar di-Sekolah Melayu Bukit Chandan pada 3 January 1901.

Pada 24 June 1932, masuk pula belajar di-sekolah Ingeris Clifford School, Kuala Kangsar. Sementara itu pelajaran baginda di-sekolah Melayu di-teruskan juga pada tiap2 hari Sabtu dan Ahad sa-hingga-lah baginda tamat Darjah V dalam tahun 1935.

Baginda di-lantek menjadi Raja Di-Hilir dalam tahun 1934, pada masa itu

usia baginda hanya baharu sa-puluh tahun sahaja.

Pada 17 October 1938 di-lantek menjadi Raja Bendahara menggantikan Jawatran yang di-kosongkan oleh Y.A.M. Raja Bendahara Yusuf yang telah naik menjadi Raja Muda.

Baginda melanjutkan pelajaran ka-Kolej Melayu (Malay College) Kuala Kangsar pada 12 December 1938.

Pada 15 July 1948 baginda di-lantek menjadi Raja Muda menggantikan tempat Y.T.M. Raja Muda Yusuf yang menaiki takhta, menggantikan Al-



Baginda Sa-bagai Raja Bendahara Daulat tahun 1948

marhum Sultan Abdul Aziz.

Baginda di-istiharkan menjadi Sultan pada 6 January 1953.

Dari tahun 1943-1945, baginda berkhidmat sa-bagai Penolong Pemungut Tanah Kuala Kangsar.

Pada tahun 1946 baginda menerima lathetan dalam hal awal Pentadbiran di-Pejabat Setiausaha Negeri di-Talping.

Baginda di-lantek menjadi sa-orang ahli dalam Jawatankuasa Pembantu Kebanjiran Negeri Perak dalam tahun 1947.

Dari tahun 1949-1951 baginda menentu di-University London kerana menerima kursus dalam Ilmu Kerajaan Pempatan, Kelajikan Masyarakat dan Ekonomi bahagian pertanian.

Sa-kembali-nya dari England dalam tahun 1951 baginda masuk berkhidmat dalam pasukan F.M.S. V.F. dan telah di-kurniakan taulah.

Kemudian daripada itu baginda menerima lathetan

**PEDANG
CHURA
SI-MANJAKINI
AKAN
DI-HUNUS
DAN
DI-KUCHUP
BAGINDA**

ketenteraan di-pusat lathetan Askar Melayu Di-Raja Port Dickson di-mana baginda telah di-angkat menjadi sa-orang Major.

Dari tahun 1951-1958 baginda menjadi Pengerusi bagi Suruhannya Perjawatan Penghulu Negeri Perak dan telah berusaha mendapatkan perubahan baharu dalam tingkatan gaji penghulu2.

Baginda telah mengambil bahagian yang cergas dalam gerakan menghapuskan ugutan Komunis dalam masa dharurat dahulu dengan jalan melawat ka-beberapa tempat yang jauh terpencil sambil memberi nasihat ka-pada hamba ra'ayat baginda supaya bekerjasama dengan pehak Kerajaan dan Pasukan keselamatan untuk memulehkan samula keamanan di-dalam negara ini.

Dalam tahun 1952 baginda menerima kurniaast bintang C.M.G. dan P.J.K.

Baginda ada-lah juga menjadi sa-orang ahli rasmi bagi Majlis Mesuarat Negeri Perak dari tahun 1952-1957 dan ahli Perjawatan (Ex-officio) bagi Dewan Negara semenjak Dewan itu ditubuhkan dalam tahun 1953.

**25 OCT 1963
Kurniaan**

Baginda di-angkat menjadi Penangih Sultan (Regent) ketika Al-marhum Sultan Yusuf Izzuddin Shah berangkat ka-England kerana menghadhiri istiadat Kemahkotaan Queen Elizabeth II dalam tahun 1953 dan menjadi Pengerusi Majlis Pangkuan Sultan tatkala Al-marhum Sultan Yusuf Izzuddin Shah berangkat berahlin angin ka-Eropa dalam tahun 1959.

Duli yang Maha Mulia berkahwin dengan Yang Mulia Raja Mazwin binti Y.M. Raja Arif Shah dalam masa penduduk Jepun ia-litu pada tahun 1943. Baginda mempunyai lima orang putera dan tiga orang puteri.

Kesukaan (Hobbies) baginda ia-lah menanam kerd, mengambil gambar melukis, berbotombot, berburu dan berikan.

Sambongan